

Bagan Datuk Dihatiku

ZAHIDHAMIDI.COM

April 17, 2017

Kampung halaman adalah tempat kita rasai paling selesa dan nyaman. Di situlah kita mengenal apa itu erti kehidupan dan tempat mula kita berpijak dibumi Allah SWT selepas kita dilahirkan.

Membesar di kawasan kampung dalam pekan kecil di Bagan Datuk amat menyeronokkan saya. Dahulunya nama jolokan Bagan Datuk terkenal dengan “pekan koboi” sinonim dengan pekan yang kecil. Pekan ini merupakan kawasan perkampungan Melayu, estet bagi kaum India dan kampung nelayan bagi kaum Cina.

Diambil kira, Pekan Bagan Datoh boleh dikatakan sunyi kerana ia terletak di pinggir muara Sungai Perak yang luas dan mengalir terus ke Selat Melaka. Di sekitar tahun 60an dan 70-an terdapat perkhidmatan bot tambang dari Jeti Bagan Datuk ke Pangkor dan Sitiawan. Pada waktu itu saya sering menggunakan perkhidmatan bot ini sebagai pengangkutan ke sekolah dan ke bandar. Namun sejak terbinanya jalan raya ke Sitiawan dan lebuhraya melalui jalan utama antara Bagan Datuk – Hutan Melintang – Teluk Intan, perkhidmatan bot kurang mendapat sambutan lagi. Jeti Bagan Datuk kini hanya sebagai tempat aktiviti memancing ikan oleh masyarakat kampung. Antara jenis-jenis ikan yang dipancing adalah ikan duri, ikan sembilang, anak ikan gelama, ikan ketutu dan ikan sumpit.

Jeti ini juga tempat merehatkan penat lelah atau destinasi lawatan pelancong ke Pulau Sembilan yang terletak kira-kira 10 – 15 kilometer dari Daerah Bagan Datuk. Ia dinamakan Pulau Sembilan kerana terdapat 9 gugusan pulau iaitu Pulau Agas, Pulau Lalang, Pulau

Saga, Pulau Nipis, Pulau Rumbia, Pulau Payong, Pulau Buluh, Pulau Batu Putih dan Pulau Batu Hitam, pulau-pulau ini juga disifatkan syurga bagi penggemar penyelam skuba.

Menariknya juga di Pulau Sembilan adalah pantai yang 'bergemerlapan' di kala malam hari kerana air pantai akan bertukar menjadi biru. Fenomena pantai 'bercahaya' ini turut dipanggil 'Blue Tear'. Antara 9 buah pulau ini, Pulau Lalang yang paling menarik untuk dilawati. Perairan di pulau itu juga terkenal dalam kalangan kaki pancing sebagai lubang ikan selain dari jika bernasib baik dapat melihat ikan lumba-lumba serta penyu. Lanjutan dari pengumuman bahawa Pulau Sembilan di bawah daerah Bagan Datuk,, saya amat berbesar hati ingin mengajak pembaca (rakan-rakan) saya ke Pulau Sembilan bagi percutian keluarga. Untuk makluman semua, pulau ini tidak mempunyai habitat, namun ia dibuka untuk perkhemahan pada hujung minggu. Jika ingin ke Taman Negeri Pulau Sembilan, pengunjung memerlukan permit yang telah disahkan. Ini bagi menjamin keindahan Pulau Sembilan sentiasa terkawal dan hanya sebanyak 120 pelancong dibenarkan berada di gugusan pulau tersebut pada satu-satu masa.

Disamping itu Bagan Datuk akan menjadi cukup meriah setiap kali pertabalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak. Ini kerana rombongan baginda Sultan pasti akan menggunakan Jeti Bagan Datuk untuk ke lokasi Beting Beras Basah, iaitu merupakan salah satu tempat istiadat tradisi pertabalan setiap DYMM Paduka Seri Sultan Perak. Acara ini cukup meriah untuk masyarakat setempat di sini.

Ingin saya kongsi cerita tentang kesuburan tanah di Bagan Datuk. Kesuburan tanah di sini telah menjadikan penempatan daerah kami cukup terkenal dengan tanaman kelapa matag di seluruh negara. Keadaan geografi dan jenis tanah di Bagan Datuk telah menyumbang kepada perkembangan ekonomi masyarakat di kampung. Tanah di sini amat

sesuai serta subur untuk tanaman pokok kelapa matag. Industri kelapa matag menjadi satu industri yang paling utama bagi penduduk tempatan daerah Bagan Datuk.

Seterusnya kedudukan strategik Bagan Datoh yang terletak berhampiran dengan laut. Kebanyakan pekerjaan penduduk yang tinggal dipersisiran pantai adalah nelayan. Terdapat 2 kategori nelayan di sini iaitu nelayan laut dalam dan nelayan persisir pantai. Saya amat menyanjung usaha Persatuan Nelayan Negeri Perak di basal Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang memainkan peranan yang cukup besar dalam usaha memajukan sektor perikanan di Daerah Bagan Datuk.

Dari segi infrastruktur pula, saya berbesar hati ingin memaklumkan pembinaan sebuah jambatan yang menghubungkan Bagan Datuk dan Pasir Salak kini sedang dilaksanakan. Daerah Bagan Datuk juga bakal menyaksikan pembangunan sebuah bandar baharu bercampur melibatkan kawasan seluas 1,659 hektar dengan berkonsepkan hijau dan mapan sekali gus menyokong perindustrian berintegrasi di negeri Perak. Ia dinamakan sebagai Bagan Datuk Water City (BDWC), pembangunannya terletak kira-kira lapan (8) kilometer dari pekan Bagan Datoh, bakal direncanakan di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP). Tahniah Bagan Datuk!

Saya ingin menyentuh tentang sektor pelancongan di Bagan Datuk selain saya telah mempromosikan Pulau Sembilan diperenggan awal tadi. Bagi mereka yang kaki pancing udang galah dan ikan sungai, marilah ke Sungai Dulang. Kawasan tebing sungai Dulang memang terdapat banyak udang galah jika kena pada musim dan lubuknya. Dilihat bahawa sektor pelancongan telah memartabatkan keindahan rumah tradisional Negeri Perak yang dijadikan "Homestay" bagi mereka yang menginginkan percutian suasana kampung. Bagi saya di sini, selain daripada merasai kedamaian suasana kampung, pelancong juga dapat melihat dengan lebih dekat cara kehidupan masyarakat Bagan Datuk yang peel against Kaufman penuh dengan tradisi dan bermuafakat.

Transformasi pekan Bagan Datuk boleh dilihat menerusi penyediaan kemudahan awam yang meliputi jalan raya, institusi pendidikan, infrastruktur tempatan dan projek berteraskan pelancongan yang akan melonjakkan nama Daerah Bagan Datuk serta memenuhi peluang pekerjaan penduduk setempat dan mensejahterakan rakyat.

Akhir sekali, kampung halaman adalah tempat di mana boleh kita merasai kedamaian dan ketenangan dari kesibukan kota. Di sini jugalah kita boleh merasai makanan kegemaran yang sedan dan merupakan makanan tradisi ala kampung. Pulanglah kita ke kampung halaman berjumpa kedua itu bapa dan sanak saudara, eratkan hubungan persaudaraan sesama kita.

Hakcipta terpelihara @ Ahmad Zahid Hamidi 2017

Source: <https://zahidhamidi.com/bagan-datuk-dihatiku/>